

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HENRY SUM AGONG**  
**KAWASAN : LAWAS**  
**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB DATO' HENRY SUM AGONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kepastian jajaran jalan Pan Borneo di kawasan Limbang dan Lawas sama ada masih melalui Negara Brunei Darussalam atau jajaran lain/baru dan berapakah jumlah peruntukan yang dikhaskan untuk projek tersebut di Sarawak pada tahun ini, 2019.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang dalam proses akhir penelitian bagi mengenal pasti jajaran Jalan Perhubungan Sarawak - Sabah (Sarawak - Sabah Link Road) yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Kajian tersebut turut mengambil kira implikasi kos dan teknikal serta sosio-ekonomi dan guna tanah di kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak iaitu melibatkan kawasan Baram, Limbang dan Lawas dan seterusnya menghubungkan ke negeri Sabah (Sindumin dan Long Pasia). Anggaran kos terlibat ialah sebanyak RM 4 bilion melibatkan jarak sekitar 400km. Namun demikian, kajian tersebut juga akan menentukan anggaran kos sebenar dengan mengambil kira tiada pertindihan jajaran dengan agensi kerajaan lain iaitu Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Sekian, terima kasih.